

Jurnal Pendidikan Malaysia 41(1)(2016): 39-45

Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu

(Applications of Fun Learning Technique in Improving Achievement in Malay Language Essay)

ABDUL RASID JAMIAN*, NURUL NADIAH RAZALI & SHAMSUDIN OTHMAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peningkatan penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur dalam kalangan guru Bahasa Melayu di kawasan Putrajaya. Kajian ini untuk mengenal pasti strategi dan teknik yang digunakan dan mengenal pasti elemen lakonan yang digunakan dalam pengajaran penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur. Sebanyak 80 orang sampel yang terdiri daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah di kawasan Putrajaya telah dipilih untuk kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik tersebut mengandungi demografi responden, strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur, elemen lakonan yang digunakan dalam teknik didik hibur dan permasalahan yang dihadapi dalam pengajaran penulisan karangan menggunakan teknik didik hibur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur secara keseluruhannya min 3.16 (S.P = 0.68). Dari segi elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya memperoleh min 3.69 (S.P = 0.55). Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik didik hibur yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan penulisan karangan.

Kata Kunci: Teknik didik hibur; penulisan karangan; pembelajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT

This research aimed to obtain information about the improvement of essay writing by applying fun learning technique among Malay Language teacher in the district of Putrajaya. This study is to identify the strategies and techniques used and identify the elements of the 'fun learning' are used in teaching essay writing techniques education. A total of 80 samples comprised of teachers who teach in Malay Language School in Putrajaya was selected for this study. This study quantitatively using a survey instrument. The instrument contains demographic, strategies and techniques used in essay writing through education techniques, role-playing elements used in education techniques and difficulties encountered in teaching essay writing techniques education. The result shows the strategies and essay writing techniques used by the technique of education as a whole found the mean 3.16 (s.d. = 0.68). In terms of role-playing elements in edutainment techniques used to find the overall mean 3.69 (s.d. = 0.55). In conclusion, this study shows education techniques used in teaching the Malay language can improve essay writing.

Keywords: Fun learning technique; essay writing; Malay Language learning

PENGENALAN

Pengajaran penulisan karangan di dalam bilik darjah perlulah menarik minat pelajar untuk mendapatkan idea, pandangan, ulasan dan sebagainya. Kreativiti yang tinggi dalam pengajaran dapat mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan diri pelajar (Abdul Rasid et al. 2012). Kurangnya kreativiti dan inovasi yang berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar cepat berasa bosan dan menganggap penulisan karangan Bahasa Melayu mencabar minda dan susah untuk dikuasai.

Pengajaran kemahiran menulis dalam elemen didik hibur yang dilakukan melalui aktiviti secara kreatif dan terancang oleh guru sudah pasti dapat memberi

perubahan yang lebih efektif dalam pembelajaran. Oleh itu, guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu perlu mengkaji dan mencari teknik yang terbaik bagi meningkatkan pencapaian pelajar serta mencari satu kaedah pengajaran penulisan Bahasa Melayu yang menarik. Kemahiran menulis adalah kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar. Kemahiran ini bertujuan supaya mereka menguasai Bahasa Melayu secara berkesan untuk kehidupan dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Kepentingan menguasai kemahiran ini telah dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KPM 2003). Oleh hal yang demikian, usaha bagi mengenal pasti strategi pembelajaran pelajar dalam kemahiran menulis harus dilaksanakan secara berterusan untuk memantapkan lagi

proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain dan banyak orang tidak mahir menulis (Ahmad Khair 2005). Oleh hal yang demikian, proses menulis memerlukan aktiviti pemikiran iaitu pemikiran sebelum menulis karangan, semasa menulis, dan proses pemikiran yang dialami selepas karangan dihasilkan. Menurut Khairuddin (2011), kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling tinggi dalam senarai kemahiran berbahasa. Kemahiran ini boleh dikuasai jika seseorang itu telah menguasai kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran membaca. Oleh demikian, penguasaan dalam kemahiran menulis bukan hanya melibatkan aspek teknikal dan mekanikal, bahkan turut melibatkan aspek psikologi dan kognitif. Hal ini kerana penulisan itu sendiri meliputi proses pemilihan dan pengolahan bahan bagi menghasilkan tulisan yang baik. Sehubungan itu, pengajaran bahasa memerlukan masa dan peluang yang sesuai bagi menjadikan pelajar penulis terbaik. Pelajar mengalami dua proses dalam penulisan karangan, iaitu proses dalaman dan proses luaran.

DIDIK HIBUR

Didik hiburan ialah satu pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif semasa proses pengajaran Bahasa Melayu. Ia bertujuan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi seronok untuk diikuti oleh pelajar. Fokusnya kepada penguasaan kemahiran asas Bahasa Melayu melalui didik hiburan dan apresiasi bahasa. Penghayatan dan apresiasi juga akan diberikan kepada Kesusasteraan Melayu untuk pelajar sekolah Menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan didik hiburan di sekolah rendah bagi merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Harapan agar pendekatan didik hiburan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan pelajar. Justeru, pengajaran guru akan lebih mudah dihayati dan difahami oleh mereka.

Didik hiburan atau *fun learning* diperkenalkan seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada 2010. Ia merupakan satu teknik dalam pengajaran dan pembelajaran dan menyediakan pelajar-pelajar peluang untuk mengintegrasikan, bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti, seronok dan bermakna. Hal ini selaras matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bertujuan untuk mengoptimalkan intelek, potensi emosi dan rohani murid. Aktiviti didik hiburan boleh dilaksanakan semasa melaksanakan induksi set atau semasa penutup pembelajaran. Pelajar-pelajar akan meneroka cerita,

sajak dan lagu untuk mengaktifkan imaginasi dan minat mereka. Komponen ini bagi memastikan bahawa mereka mendapat manfaat daripada kemahiran mendengar dan menggunakan bahasa daripada sumber fiksiyen serta bukan fiksiyen. Pelajar juga boleh berbangga dengan pencapaian, ganjaran, dan pujian yang diperoleh apabila mereka berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru. Pelajar juga digalakkan untuk merancang, menyediakan dan menghasilkan karya kreatif yang mudah.

PEMBELAJARAN YANG MENYERONOKKAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM menyarankan supaya proses pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah lebih dinamis dan progresif. Cara guru mengajar dan menerima karangan yang ditulis murid menjadi salah satu punca pelajar enggan menulis Hyland (2002) dan Naci Kayaoglu (2009). Naci Kayaoglu (2009) berpendapat penulisan bukan sekadar membetulkan kesalahan tatabahasa yang penuh dengan struktur sahaja malah menulis adalah melangkaui lebih dari apa-apa yang terpendam di dalam hati dan dicanai oleh minda.

Oleh hal yang demikian, amalan pengajaran penulisan karangan mengikut kaedah linear didapati sangat membosankan. Menurut Yahya (2004), kaedah linear kurang berkesan kerana masih menggunakan kaedah tradisional papan putih dan berfokuskan kepada teori. Di samping itu, ia kurang sesuai untuk semua pelajar kerana setiap individu atau pelajar mempunyai kebolehan, sikap, minat dan gaya pembelajaran yang berbeza. Konsep pengajaran berkualiti dan pengajaran yang berjalan lancar dan berkesan perlu dibezakan. Menurut Roselan (2006), pengajaran bukan sekadar melihat pelaksanaan yang sistematik dan berkesan namun aspek keselesaan dan keseronokan pelajar, soal psikologis dan emosional sepatutnya turut diambil kira. Beliau mencadangkan perspektif pengajaran yang konservatif perlu digantikan dengan perspektif yang lebih progresif, santai dan menyeronokkan serta relevan dengan dunia pendidikan semasa. Jelas menunjukkan bahawa pengajaran bahasa perlulah kreatif dan menarik minat pelajar. Menurut Shamsudin dan Abdul Rasid (2013), aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hiburan (pembelajaran yang menyeronokkan). Didik hiburan ini dilihat dapat mengupayakan dan membolehkan bahasa yang indah itu dapat diperoleh secara mudah daripada teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi itu dilaksanakan secara lebih santai tetapi bermakna.

Menurut Shamsudin dan Abdul Rasid (2013) lagi, walaupun pelajar seronok, namun objektif pengajaran dan pembelajaran masih dapat dicapai seperti yang ditetapkan

oleh sukatan pelajaran. Guru perlu melaksanakan belajar sambil berhibur agar isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Animasi merupakan cara yang afektif untuk menarik perhatian dan berpotensi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Menurut Abdul Rasid et al. (2012), penggunaan kartun dapat menjalinkan hubungan mesra yang akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif antara guru dan pelajar, keseronokkan akan timbul dalam pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan teknik didik hibur elemen lakonan yang bersesuaian secara kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran penulisan. Objektif khusus kajian ini iaitu:

1. Mengetahui strategi dan teknik yang digunakan oleh guru dalam meningkatkan penulisan karangan berdasarkan penggunaan teknik didik hibur di sekolah Menengah.
2. Mengetahui penggunaan teknik didik hibur elemen lakonan dalam pengajaran penulisan karangan untuk meningkatkan prestasi karangan pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menjawab soalan berikut:

1. Apakah strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan oleh guru?
2. Apakah elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan oleh guru?

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dari segi pengajaran guru melaksanakan strategi dan teknik yang digunakan melalui elemen lakonan teknik didik hibur dalam penulisan karangan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan yang sering dijalankan dalam penyelidikan (Mohd Majid 2009). Oleh itu, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian. Mohd Majid (2009) menjelaskan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi kerana tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku penyelidik. Justeru itu, penyelidik tidak hadir semasa responden menjawab soalan. Responden kajian ini terdiri daripada 100 orang guru Bahasa Melayu di sekolah yang telah dipilih. Soal selidik ini terdapat empat bahagian untuk dijawab oleh guru. Hasil

dapatan kajian yang diperoleh, data dianalisis dengan statistik deskriptif iaitu peratusan, min, dan sisihan piawai bagi melihat penggunaan strategi dan teknik dalam teknik didik hibur dalam penulisan karangan dan juga elemen lakonan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran.

LOKASI KAJIAN

Kajian ini melibatkan 10 buah sekolah menengah di Putrajaya. Pemilihan sekolah berdasarkan tempat yang mudah dikunjungi oleh pengkaji, iaitu hanya sekolah menengah yang terletak di dalam daerah Putrajaya sahaja. Pengkaji berpendapat penggunaan responden dijangkakan akan menjawab semua persoalan kajian. Pihak sekolah juga memberi sokongan kepada pengkaji bagi melaksanakan kajian. Ini akan memudahkan kajian pengkaji.

RESPONDEN KAJIAN

Responden diambil daripada 10 buah sekolah Menengah yang terbabit dalam kajian ini dan setiap sekolah hanya sepuluh orang responden sahaja, iaitu responden yang mengajar Bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran kefahaman penulisan karangan. Menurut Mohd Majid (2009), populasi didefinisikan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu terhadap sekumpulan individu atau objek. Penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 unit. Pertambahan saiz sampel akan melebihi populasi dan mengurangkan ralat pensampelan. Jadi, dalam kajian ini sampel yang digunakan melebihi 30 akan diambil bagi mengurangkan ralat pensampelan tersebut.

Formula penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), dibangunkan pada aras 95% aras keyakinan. Saiz sampel dipilih mengikut Jadual Krejcie dan Morgan (1970), menyenaraikan saiz populasi 10 kajian, memadailah 10 sampel bagi menjawab objektif kajian.

JADUAL 1. Jadual penentuan sampel mengikut Krejcie dan Morgan

Jumlah (N)	Sampel
100	80
110	86
120	92

N = saiz populasi
S = saiz sampel

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI RESPONDEN

Demografi responden dalam kajian ini terbahagi kepada tiga, iaitu jantina, bangsa, pengalaman mengajar dan pengkhususan guru. Berdasarkan Jadual 2, daripada

80 orang guru, hanya 6 orang guru lelaki (7.5%) yang terdapat dalam kajian ini dan selebihnya 74 orang guru perempuan (92.5%). Perbezaan peratusan adalah sebanyak 68 orang (85%). Data ini menunjukkan guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki dalam kajian ini. Dari segi bangsa, daripada 80 orang guru, kebanyakan guru berbangsa Melayu, iaitu seramai 79 orang (98.8%) dan hanya seorang (1.2%) guru berbangsa Cina dan tiada guru berbangsa India dan lain-lain kaum. Perbezaan peratusan ialah 1 orang (97.6%). Dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu berbangsa Melayu lebih ramai berbanding bangsa lain. Dari segi pengkhususan, daripada 80 orang guru, kebanyakan guru mengajar Bahasa Melayu, iaitu seramai 44 orang guru (55%) dan hanya 36 orang guru (45%) guru yang mengajar selain Bahasa Melayu. Perbezaan peratusan ialah sebanyak 8 orang (10%).

JADUAL 2. Demografi responden berdasarkan jantina

	Kategori	Jumlah (N = 80)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	6	7.5
	Perempuan	74	92.5
Bangsa	Melayu	79	98.8
	Cina	1	1.2
	India	0	0
	Lain-lain	0	0
Pengkhususan	Bahasa Melayu	44	55.0
	Selain Bahasa Melayu	36	45.0

STRATEGI DAN TEKNIK PENGAJARAN PENULISAN
KARANGAN YANG DIGUNAKAN MELALUI TEKNIK DIDIK
HIBUR SECARA KESELURUHAN

Berikut ialah dapatan kajian tentang strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur secara keseluruhan. Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 3, strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan secara keseluruhannya menunjukkan nilai min 3.36 (SP = 0.73). Hal ini menunjukkan bahawa strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur amat bersesuaian dan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Dapatan strategi dan teknik mencari maklumat dalam Internet (laman web/ blog) mencatat min 3.83 (SP = 0.54). Strategi dan teknik menyuruh pelajar mencari maklumat di dalam surat khabar mencatat min 3.79 (SP = 0.57). Diikuti pula dengan menyuruh pelajar mencari maklumat di dalam majalah mencatat min 3.74 (SP = 0.59). Strategi dan teknik menggunakan elemen nyanyian dalam pengajaran karangan mencatat min 2.95 (SP = 0.76). Seterusnya elemen lakonan dalam pengajaran karangan mencatat min 3.26 (SP = 0.71). Diikuti pula dengan penggunaan elemen bercerita dalam pengajaran karangan mencatat min 3.59 (SP = 0.69).

Manakala strategi dan teknik menyiarkan *slide* daripada mana-mana cerita kartun bagi memudahkan pelajar mendapat idea mencatat min 3.02 (SP = 0.76). Seterusnya menyiarkan *slide* daripada mana-mana drama bagi memudahkan pelajar mendapat idea mencatat

JADUAL 3. Strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang digunakan melalui teknik didik hibur

Bil.	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya menyuruh pelajar mencari maklumat dalam Internet (laman web/blog)	3.83	0.54
2	Saya menyuruh pelajar mencari maklumat di dalam surat khabar	3.79	0.57
3	Saya menyuruh pelajar mencari maklumat di dalam majalah	3.74	0.59
4	Saya selalu menggunakan elemen nyanyian dalam pengajaran karangan	2.95	0.76
5	Saya selalu menggunakan elemen lakonan dalam pengajaran karangan	3.26	0.71
6	Saya selalu menggunakan elemen bercerita dalam pengajaran karangan	3.59	0.69
7	Saya selalu menyiarkan slaid daripada mana-mana cerita kartun bagi memudahkan pelajar mendapat idea	3.02	0.76
8	Saya selalu menyiarkan slaid daripada mana-mana drama bagi memudahkan pelajar mendapat idea	3.09	0.81
9	Saya mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar dan menyuruh pelajar menghasilkan karangan berdasarkan aktiviti tersebut.	3.04	0.91
10	Saya menyediakan gambar dan meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan gambar tersebut.	3.67	0.71
11	Saya meminta pelajar melakonkan watak dan meminta murid menghasilkan karangan berdasarkan lakonan tersebut.	3.24	0.77
12	Saya meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan imaginasi mereka mengikut arahan yang diberikan.	3.57	0.74
13	Saya selalu menyiarkan mana-mana video bagi memudahkan pelajar mendapat idea	3.05	0.82
14	Saya selalu menyuruh pelajar melakukan aktiviti didik hibur secara individu	3.24	0.79
15	Saya selalu menyuruh pelajar melakukan aktiviti didik hibur secara berkumpulan	3.40	0.82
	Jumlah keseluruhan	3.36	0.73

min 3.09 (SP = 0.81). Diikuti pula dengan mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar dan menyuruh pelajar menghasilkan karangan berdasarkan aktiviti tersebut mencatat min 3.04 (SP = 0.91). Strategi dan teknik menyediakan gambar dan meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan gambar tersebut mencatat min 3.67 (SP = 0.71).

Seterusnya strategi dan teknik meminta pelajar melakonkan watak dan meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan lakonan tersebut mencatat min 3.24 (SP = 0.77). Diikuti pula guru meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan imaginasi mereka mencatat min 3.57 (SP = 0.74). Seterusnya menyiarkan mana-mana video bagi memudahkan pelajar mendapat idea mencatat min 3.05 (SP = 0.82). Strategi dan teknik menyuruh pelajar melakukan aktiviti didik hibur secara individu mencatat min 3.24 (SP = 0.79) diikuti pula menyuruh pelajar melakukan aktiviti didik hibur secara berkumpulan mencatat min 3.40 (SP = 0.82).

ELEMEN LAKONAN DALAM TEKNIK DIDIK HIBUR YANG DIGUNAKAN SECARA KESELURUHAN

Berikut ialah dapatan kajian tentang elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhan. Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 6, elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya menunjukkan nilai min 3.69 (SP = 0.55). Jelas menunjukkan bahawa elemen lakonan dalam teknik didik hibur memberi kesan terhadap penulisan karangan para pelajar. Selain itu, dapatan yang diperoleh iaitu

aktiviti lakonan dilaksanakan dalam Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran mengarang pelajar mencatat min 3.81 (SP = 0.39).

Aktiviti lakonan diserapkan supaya sesi pengajaran Bahasa Melayu lebih menarik, membantu aspek perbendaharaan kata dan pengukuhan pemahaman yang baik mencatat min 3.80 (SP = 0.58).

Selain itu, guru membantu pelajar mengujarkan suku kata dengan sebutan dan intonasi juga mimik muka yang jelas dan bermakna serta menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui aktiviti lakonan mencatat min 3.60 (SP = 0.69). Diikuti pula, guru berjaya melahirkan suasana lakonan dengan jelas dan bermakna melalui gerak geri dan mimik muka membantu pelajar menyampaikan maksud dan kandungan cerita mencatat min 3.72 (SP = 0.53). Pelajar dibenarkan menggunakan gaya sendiri yang kreatif, mimik muka, suara dan bahasa badan semasa menyampaikan lakonan yang berkesan mencatat min 3.71 (SP = 0.64). Seterusnya elemen lakonan lebih berkesan berbanding elemen nyanyian, cerita dan puisi mencatat min 3.61 (SP = 0.56).

Seterusnya aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti berkumpulan bagi menghasilkan isi karangan mencatat min 3.77 (SP = 0.45). Diikuti pula dengan aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti individu bagi menghasilkan isi karangan mencatat min 3.49 (SP = 0.59). Aktiviti lakonan berjaya dilaksanakan pada setiap aktiviti yang dirancang secara sistematik mampu melahirkan idea dalam penghasilan karangan mencatat min 3.61 (SP = 0.54). Seterusnya aktiviti lakonan yang menarik boleh dilaksanakan dan diselesaikan bersama pelajar mencatat min

JADUAL 4. Elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan dalam pengajaran penulisan karangan

	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai (SP)
1	Aktiviti lakonan dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran mengarang pelajar	3.81	0.39
2	Aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti berkumpulan bagi menghasilkan isi karangan	3.77	0.45
3	Aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti individu bagi menghasilkan isi karangan	3.49	0.59
4	Aktiviti lakonan berjaya dilaksanakan pada setiap aktiviti yang dirancang secara sistematik mampu melahirkan idea dalam penghasilan karangan	3.61	0.54
5	Aktiviti lakonan yang menarik boleh dilaksanakan dan diselesaikan bersama pelajar	3.63	0.58
6	Aktiviti lakonan memerlukan tempoh pelaksanaan dan peruntukan masa pembelajaran yang sesuai dan fleksibel	3.84	0.46
7	Aktiviti lakonan diserapkan supaya sesi pengajaran Bahasa Melayu lebih menarik, membantu aspek perbendaharaan kata dan pengukuhan pemahaman yang baik	3.80	0.58
8	Guru membantu pelajar mengujarkan suku kata dengan sebutan dan intonasi juga mimik muka yang jelas dan bermakna serta menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui aktiviti lakonan	3.60	0.69
9	Guru berjaya melahirkan suasana lakonan dengan jelas dan bermakna melalui gerak geri dan mimik muka membantu pelajar menyampaikan maksud dan kandungan cerita	3.72	0.53
10	Pelajar dibenarkan menggunakan gaya sendiri yang kreatif, mimik muka, suara dan bahasa badan semasa menyampaikan lakonan yang berkesan	3.71	0.64
11	Elemen lakonan lebih berkesan berbanding elemen nyanyian, cerita dan puisi	3.61	0.56
	Jumlah keseluruhan	3.69	0.55

3.63 ($SP = 0.58$). Diikuti pula dengan aktiviti lakonan memerlukan tempoh pelaksanaan dan peruntukan masa pembelajaran yang sesuai dan fleksibel mencatat min 3.84 ($SP = 0.46$).

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji membuat beberapa rumusan berdasarkan data kajian yang diperhatikan. Hal ini untuk melihat apakah strategi dan teknik yang digunakan oleh guru dalam teknik didik hibur untuk pengajaran penulisan karangan terhadap pelajar. Ringkasnya hasil daripada kajian yang lebih menyeluruh akan diterangkan berdasarkan bahagian-bahagian soalan kajian. Pengajaran karangan pada peringkat sekolah Menengah adalah untuk menunaikan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM. Objektif lain adalah supaya pelajar dapat menyampaikan buah fikiran, idea, fakta, pandangan, ulasan dan sebagainya melalui karangan yang sesuai dengan peringkat umur pelajar. Guru perlu kreatif memberi pengajaran agar para pelajar dapat menghasilkan idea.

STRATEGI DAN TEKNIK PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN YANG DIGUNAKAN OLEH GURU

Jelas ini menunjukkan strategi dalam pengajaran penulisan karangan melalui teknik didik hibur yang digunakan ialah menyuruh pelajar mencari maklumat di dalam Internet (laman web/blog) mencatat nilai min tertinggi 3.83 ($SP = 0.54$). Guru banyak menyuruh pelajar mencari maklumat melalui Internet ini kerana guru ingin pelajar menguasai teknologi maklumat. Pada masa kini, kebanyakan para pelajar mempunyai komputer dan Internet dan murid boleh belajar dan mengaksesnya di sekolah. Strategi dan teknik dalam pengajaran penulisan karangan melalui teknik didik hibur yang paling rendah. Kebanyakan guru jarang menggunakan elemen nyanyian ini mungkin kerana guru kesuntukan masa semasa dalam pengajaran dan pembelajaran dan mungkin strategi dan teknik ini tidak sesuai digunakan dalam pengajaran karangan.

Hal ini bersesuaian dengan kajian Made Hary Santosa (2009), yang menggunakan blog dalam pembelajaran penulisan menarik perhatian pelajar. Jadi guru banyak menggunakan teknik ini dalam pengajaran. Dalam kajian ini, kebanyakan guru menggunakan teknik dengan cara menyediakan gambar dan meminta pelajar menghasilkan karangan berdasarkan gambar tersebut dan guru selalu menggunakan elemen bercerita dalam pengajaran karangan sebanyak 67.5% guru bersetuju berbanding elemen nyanyian dan lakonan.

ELEMEN LAKONAN DALAM TEKNIK DIDIK HIBUR YANG DIGUNAKAN OLEH GURU

Jelas menunjukkan kebanyakan guru bersetuju dan mengatakan aktiviti lakonan memerlukan tempoh

pelaksanaan dan peruntukan masa pembelajaran yang sesuai dan fleksibel, iaitu min 3.84 ($SP = 0.46$). Oleh hal yang demikian untuk melaksanakan aktiviti lakonan di dalam bilik darjah memerlukan masa yang lama dan peruntukan masa di dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran adalah terhad dan menyebabkan guru jarang melaksanakan aktiviti lakonan.

Aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti individu bagi menghasilkan isi karangan mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 3.49 ($SP = 0.59$). Hal ini kerana guru jarang melaksanakan aktiviti lakonan secara individu bagi pengajaran penulisan karangan. Oleh hal yang demikian aktiviti lakonan tidak sesuai dilakonan secara individu bagi menghasilkan isi karangan. Kebanyakan guru berpendapat kebanyakan pelajar malu untuk tampil ke hadapan melakukan aktiviti lakonan seorang diri dan bagi pelajar yang lemah pula mereka tiada idea untuk melakukan aktiviti lakonan berdasarkan arahan yang telah diberikan. Hal ini bersesuaian dengan kajian Roselan (2006), menyatakan pengajaran bukan sekadar melihat pelaksanaan yang sistematik dan berkesan namun aspek keselesaan dan keseronokan pelajar, soal psikologis dan emosional sepatutnya turut diambil kira. Apa yang penting untuk memastikan pengajaran berlaku dan terlaksana, beliau mencadangkan perspektif pengajaran yang konservatif perlu digantikan dengan perspektif yang lebih progresif, santai dan menyeronokkan serta relevan dengan dunia pendidikan semasa. Kaedah pengajaran yang menyeronokkan dan dapat mengeksploitasi bahan-bahan tertentu yang boleh menggerakkan minda pelajar kepada tajuk karangan yang akan ditulis, amat perlu bagi mengatasi kelemahan mereka dalam penulisan karangan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil daripada penganalisisan data yang diperolehi, mendapati strategi dan teknik yang kerap digunakan oleh kebanyakan guru iaitu menyuruh pelajar mencari maklumat dalam Internet, iaitu laman web/ blog. Pengkaji membuat rumusan bahawa guru perlu memberi pendedahan kepada pelajar agar berusaha dan mempelajari untuk memperoleh maklumat terutama melalui Internet menerusi laman web atau blog. Guru jarang menggunakan strategi dan teknik menyiarkan slaid daripada mana-mana cerita kartun bagi memudahkan pelajar mendapat idea. Hasil data menunjukkan guru banyak menyuruh pelajar mencari maklumat dalam Internet, tetapi guru masih tidak menggunakan Internet untuk memuat turun mana-mana cerita kartun untuk digunakan di dalam bilik darjah bagi pengajaran karangan.

Dari segi elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang digunakan secara keseluruhannya mendapati kebanyakan guru melaksanakan aktiviti lakonan berfokuskan kepada aktiviti berkumpulan bagi menghasilkan isi karangan. Kebanyakan guru bersetuju bahawa elemen lakonan yang

digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu memerlukan tempoh pelaksanaan dan peruntukan masa pembelajaran yang sesuai dan fleksibel. Di samping itu, aktiviti lakonan yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran mengarang pelajar. Penyerapan didik hibur elemen lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilakukan secara kreatif dan sesuai dengan persekitaran pelajar dan apabila mereka sudah seronok dan aktif, secara tidak langsung mampu mengekalkan motivasi mereka untuk mengikuti pelajaran penulisan karangan melalui aktiviti didik hibur yang dirancang secara sistematik oleh guru.

Penggunaan teknik didik hibur dalam penulisan karangan sangat penting bagi menghasilkan pembelajaran yang menyeronokkan secara tidak langsung dapat menggerakkan minda pelajar dalam menghasilkan idea yang menarik. Guru yang berpengalaman dan guru baharu haruslah diberi penekanan dalam pengajaran dan guru perlu banyak diberi khusus dan praktikal mengenai pengajaran yang menyeronokkan.

Pengajaran dan pembelajaran karangan sangat penting kerana karangan merupakan tingkat tertinggi dalam kemahiran bahasa, iaitu kemahiran menulis. Kemahiran menulis karangan penting dalam semua aspek pembelajaran dan juga aspek kehidupan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memberikan maklumat tentang peningkatan penulisan menggunakan teknik didik hibur. Strategi dan teknik dalam didik hibur dan juga elemen lakonan dalam pengajaran penulisan karangan yang kerap digunakan oleh guru dapat meningkatkan penulisan karangan terhasil dalam kajian ini. Jadi, guru perlulah kreatif dalam pengajaran penulisan karangan agar pelajar dapat menghasilkan idea bagi tujuan penulisan karangan dan agar meminati mata pelajaran Bahasa Melayu, terutamanya penulisan karangan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa penyerapan didik hibur elemen lakonan mampu meningkatkan penguasaan kemahiran menulis pelajar. Terdapat beberapa kekangan seperti kekurangan masa dan masalah murid itu sendiri menyebabkan guru kurang menggunakan teknik didik hibur ini sepenuhnya. Jadi, guru perlulah kreatif dan menuntut komitmen yang tinggi bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. 2012. Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 129-140.
- Ahmad Khair Mohd. Nor. 2005. Kemosotan pencapaian bahasa Melayu pada peringkat SPM. *Dewan Bahasa*. Mei.
- Hyland, K. 2002. *Teaching and Researching Writing*. Great Britain: Pearson Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Mohamad. 2011. *Literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining sampel size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*: 30-608.
- Mohd. Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Edisi Ke-8*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naci Kayaoglu. 2009. Process writing with the internet. *Modern English Teacher* 12(2).
- Roselan Baki. 2006. Kualiti Pengajaran: Menggantikan Pendekatan Serious dengan Pendekatan Santai. *Seminar dan Bengkel Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan*. 16 September. Hotel Marriott Putrajaya.
- Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian. 2013. Pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Bahasa* 1(2): 292-312.
- Yahya Othman. 2004. *Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi Panduan Mengajarkan Kemahiran Membaca. Edisi Ke-2*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Abdul Rasid Jamian*, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor Darul Ehsan

*Pengarang surat-menyurat; email: arasid@upm.edu.my

Diserahkan: 1 Disember 2014

Diterima: 1 Julai 2015

